

20 NOV 1996

Annuar-Pas

DR MAHATHIR MAHU DENGAR PANDANGAN MT MENGENAI KERAJAAN CAMPURAN

KUALA LUMPUR, 20 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu Majlis Tertinggi parti yang bermesyuarat Khamis depan dimaklumkan dan membincangkan cadangan penubuhan kerajaan campuran Pas-UMNO di Kelantan sebelum sebarang keputusan bagi pihak UMNO dapat diputuskan.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Annuar Musa hari ini berkata beliau telah memaklumkan kepada Dr Mahathir selaku Presiden UMNO dan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan mengenai latar belakang kerjasama yang dicadangkan itu selepas mesyuarat minggu Kabinet hari ini.

Katanya, Dr Mahathir menyatakan yang beliau mahu mendengar pandangan MT terlebih dahulu.

Bagaimanapun jika Pas mahu perbincangan mengenai perkara itu dipercepatkan sebelum MT bermesyuarat, pemimpin parti itu boleh berhubung secara langsung dengan Dr Mahathir, katanya kepada pemberita di bangunan Parlimen di sini.

Katanya, setakat ini belum ada apa-apa langkah pertama oleh Pas.

"Saya tidak akan hadir pada mesyuarat MT akan datang tetapi perkara itu akan dikemukakan dan dibincangkan kerana saya sudah memberi maklumat kepada Perdana Menteri mengenainya," kata Annuar.

"Pas bebas berhubung secara langsung dengan Perdana Menteri, biar Pas mengambil langkah pertama. Setakat ini ia masih merupakan pandangan umum dan peribadi," katanya.

Di TANAH MERAH, Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata Pas bukan sahaja sanggup mewujudkan kerajaan campuran di Kelantan malahan bersedia membubarkan parti sekiranya UMNO bersedia memenuhi syarat utama iaitu menerima Al-Quran dan Hadis sebagai dasar pentadbirannya.

Syarat utama itu perlu diikuti bagi mamastikan dasar dan struktur pentadbiran Islam yang sedang dibuat oleh Pas di Kelantan diteruskan, katanya pada majlis ceramah isu semasa di Batang Merbau malam tadi.

"Jika Umno ikhlas dan bersedia menyokong langkah yang dibuat oleh Pas maka usaha mewujudkan kerajaan campuran itu akan menjadi kenyataan," katanya.

Nik Aziz berkata walaupun sudah ada usaha penerapan Islam dalam UMNO, Pas masih tidak berpuas hati dengan pendekatan Islam yang dibawa oleh anggota UMNO kerana ia berbeza dengan pendekatan Pas di Kelantan. --

BERNAMA

ZT NMO